

**SOSIALISASI MELALUI KURIKULUM TERSEMBUNYI DI SEBUAH
SEKOLAH DALAM MEMBENTUK TINGKAH LAKU
PELAJAR**

SHANBAGAVALLI A/P NADARAJ

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat peraturan-peraturan sekolah sebagai satu aspek kurikulum tersembunyi yang terdapat dalam sistem persekolahan. Kajian ini mengenal pasti peraturan-peraturan yang diamalkan di sekolah, meneroka pandangan pelajar tentang peraturan-peraturan yang diamalkan dan meneroka implikasi kurikulum tersembunyi melalui peraturan-peraturan sekolah dalam pembentukan tingkah laku pelajar. Kaedah kualitatif dengan reka bentuk kajian kes digunakan. Teknik-teknik pengumpulan data adalah melalui analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Persampelan bertujuan digunakan untuk temu bual. Senarai semak digunakan bagi mengukuhkan dapatan kajian. Hasil kajian mendapati peraturan-peraturan sekolah memperlihatkan unsur-unsur kurikulum tersembunyi wujud dan membantu dalam proses sosialisasi pelajar. Kajian ini juga menunjukkan keberkesanan sekolah sebagai agen sosialisasi yang penting dalam pemupukan tingkah laku sepanjang tempoh persekolahan. Di samping itu, pengalaman sosialisasi pelajar melalui kurikulum tersembunyi penting kerana penerapan nilai-nilai sosial dan tingkah laku yang baik memberi kesan kepada kehidupan masa depan pelajar-pelajar. Ia juga menunjukkan sistem pendidikan melaksanakan fungsi integratif dan regulatif dengan cara menyerapkan nilai-nilai dan norma-norma melalui kurikulum tersembunyi dalam peraturan-peraturan sekolah. Dirumuskan bahawa sistem pembelajaran yang sempurna yang memberi penekanan kepada kurikulum tersembunyi dapat mempengaruhi tingkah laku seseorang individu. Oleh itu, pihak pengurusan sekolah dan guru memainkan peranan dalam pelaksanaan kurikulum tersembunyi secara berkesan dan memastikan setiap pelajar mematuhi setiap peraturan sekolah yang ditetapkan.



SOCIALIZATION THROUGH HIDDEN CURRICULUM IN A SCHOOL IN DEVELOPING STUDENTS' BEHAVIOUR

ABSTRACT

This study focused on school rules as an aspect of hidden curriculum in the school system. The aim of this study was to determine the rules that are practiced in school, to explore the students' views with regard to the rules that are practiced in the school and the implication of the hidden curriculum in the students' behaviour development. This study employed qualitative method that used the case study technique. The data was gathered by using document analysis, observations and interviews. This study used the purposeful sampling in interviews to support and reaffirm the qualitative data. The findings of this study, indicated that hidden curriculum aspects through school rules did exist in the school context and it has a great impact in the students' socialization process. This study also demonstrated the effectiveness of the school as an important agent of socialization by internalizing values for behaviour development. In addition, the socialization experience of students through the hidden curriculum is important because social values and good behaviour which are transmitted has a clear impact in the students' future lives. It also shows that the educational system performs an integrative and regulative function by transmitting norms and values through hidden curriculum such as the school rules. It can be concluded that the perfect learning system that emphasizes on the hidden curriculum can influence an individual's behaviour. Therefore, it is crucial for the school management and teachers to implement the hidden curriculum effectively and ensure that every student complies with all school rules.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Soalan Kajian	12
1.6 Teori	13
1.6.1 Teori Fungsional	13
1.6.2 Teori Interaksi Simbolik	16
1.6.3 Teori Sosialisasi	18
1.7 Kerangka Konseptual	20

1.8	Definisi Konsep Dan Operasional	23
1.8.1	Sosialisasi	23
1.8.2	Kurikulum Tersembunyi	24
1.8.3	Sekolah	27
1.8.4	Pembentukan Tingkah Laku	28
1.8.5	Peraturan-peraturan Sekolah	29
1.9	Kepentingan Kajian	30
1.10	Rumusan	31
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	33
2.2	Kurikulum Tersembunyi Di Sekolah	34
2.3	Sekolah Sebagai Agen Sosialisasi	42
2.4	Peraturan Sekolah Sebagai Kurikulum Tersembunyi	45
2.5	Sosialisasi Melalui Aktiviti Di Sekolah	51
2.6	Guru Di Sekolah Sebagai Agen Sosialisasi	53
2.7	Bilik Darjah Mensosialisasikan Pelajar	54
2.8	Peranan Guru Dan Sekolah Dalam Memindahkan Kurikulum Tersembunyi	57
2.9	Motivasi Sebagai Kurikulum Tersembunyi	62
2.10	Rumusan	64

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	66
3.2	Reka Bentuk Kajian	67
3.2.1	Pendekatan Kajian	68
3.2.2	Kaedah Kajian	70
3.3	Tempat Kajian	74
3.4	Populasi Dan Responden Kajian	75
3.4.1	Populasi	76
3.4.2	Responden Kajian	76
3.4.3	Persampelan	79
3.5	Instrumen Kajian	81
3.5.1	Analisis Dokumen	82
3.5.2	Pemerhatian	83
3.5.3	Temu Bual	86
3.5.4	Senarai Semak	88
3.6	Pengaplikasian Triangulasi	89
3.7	Prosedur Kajian	91
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	92
3.9	Kaedah Analisis Data	98
3.10	Kesahan	101
3.11	Limitasi Dan Delimitasi	106
3.12	Rumusan	107

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	108
4.2	Latar Belakang Responden	109
4.2.1	Latar Responden 1	110
4.2.2	Latar Responden 2	110
4.2.3	Latar Responden 3	111
4.2.4	Latar Responden 4	111
4.3	Deskripsi Sekolah	112
4.4	Soalan Kajian Pertama	113
4.4.1	Dapatan Analisis Dokumen	113
4.4.1.1	Buku Panduan Murid	113
4.4.1.2	Buku Kehadiran Pelajar	125
4.4.1.3	Surat Aku Janji	125
4.4.1.4	Jaminan Mematuhi Peraturan Sekolah	126
4.4.1.5	Rekod Pengakuan Pelajar Atas Kesalahan Disiplin	126
4.4.1.6	Pemberitahuan Tatatertib Murid	127
4.4.1.7	Pengakuan Salah Laku Dan Minta Maaf	127
4.4.1.8	Panduan Pemberian Gred Sahsiah Murid	128
4.4.2	Dapatan Pemerhatian	129
4.4.2.1	Pemerhatian Pertama	129
4.4.2.2	Pemerhatian Kedua	129

4.4.2.3	Pemerhatian Ketiga	130
4.4.2.4	Pemerhatian Keempat	130
4.4.2.5	Pemerhatian Kelima	131
4.4.2.6	Pemerhatian Keenam	132
4.4.2.7	Pemerhatian Ketujuh	133
4.4.2.8	Pemerhatian Kelapan	133
4.4.2.9	Pemerhatian Kesembilan	134
4.4.2.10	Pemerhatian Kesepuluh	135
4.4.2.11	Pemerhatian Kesebelas	136
4.4.2.12	Pemerhatian Kedua belas	137
4.4.3	Kesimpulan	137
4.4	Soalan Kajian Kedua	144
4.4.1	Dapatan Temu Bual	144
4.4.1.1	Masa Persekolahan	144
4.4.1.2	Waktu Reha	146
4.4.1.3	Ketidakhadiran Sekolah	147
4.4.1.4	Ketidakhadiran Dalam Kelas	149
4.4.1.5	Pelawat-pelawat	151
4.4.1.6	Barang-barang dan Perkakas Sekolah	152
4.4.1.7	Kawasan Sekolah	154
4.4.1.8	Kebersihan Sekolah	156
4.4.1.9	Kantin	157
4.4.1.10	Tandas	159

4.4.1.11	Motosikal/Kereta	160
4.4.1.12	Pakaian Seragam Sekolah	161
4.4.1.13	Perhimpunan	163
4.4.1.14	Dewan	164
4.4.1.15	Kegiatan di Luar Sekolah	166
4.4.1.16	Murid-murid Yang Sakit/Tidak Sihat	167
4.4.1.17	Barang Yang Hilang/Dijumpai	168
4.5.1.18	Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT)	170
4.5.1.19	Bayaran	171
4.5.1.20	Gaya Rambut Dan Kuku/Subang/ Kaca Mata/Barang Kemas/Rantai	172
4.5.1.21	Telefon Bimbit	174
4.5.1.22	Perkara Am	175
4.5.2	Dapatan Senarai Semak	179
4.5.3	Kesimpulan	182
4.5	Soalan Kajian Ketiga	189
4.5.1	Dapatan Temu Bual	189
4.5.1.1	Responden 1	192
4.5.1.2	Responden 2	195
4.5.1.3	Responden 3	195
4.5.1.4	Responden 4	198
4.5.2	Dapatan Senarai Semak	201
4.6.3.	Kesimpulan	202

4.6.4.	Rumusan	207
--------	---------	-----

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	209
5.2	Ringkasan Kajian	209
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	210
5.3.1	Peraturan-peraturan Yang Diamalkan Di Sekolah	211
5.3.2	Pandangan Pelajar-pelajar Tentang Peraturan-peraturan Yang Diamalkan Di Sekolah	223
5.3.3	Implikasi Kurikulum Tersembunyi Melalui Peraturan-peraturan Yang Diamalkan Di Sekolah Dalam Membentuk Tingkah Laku Pelajar	227
5.4	Implikasi Kajian	233
5.5	Implikasi Teori	235
5.5.1	Teori Fungsional	235
5.5.2	Teori Interaksi Simbolik	239
5.5.3	Teori Sosialisasi	241
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	242
5.6.1	Cadangan Berdasarkan Dapatan Kajian	243
5.6.2	Kajian Lanjutan	244
5.7	Rumusan	245

RUJUKAN	247
----------------	-----

LAMPIRAN

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1.	Kerangka Konseptual Kajian	20
2.1.	Penekanan Kurikulum Mengikut Peringkat Pendidikan	43
3.1.	Reka Bentuk Kajian	73
3.2	Soalan Kajian, Kaedah Pengumpulan Data dan Triangulasi Kajian	90

SENARAI SINGKATAN

GPK HEM	Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
GPK	Guru Penolong Kanan
SMJK	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan
SPBT	Skim Pinjaman Buku Teks
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri

SENARAI LAMPIRAN

- A Buku Panduan Murid
- B Analisis Dokumen Peraturan-peraturan Sekolah
 - B1 Senarai Peraturan-peraturan Sekolah
 - B2 Sistem Penilaian Merit/Demerit
 - B3 Program Orientasi Tingkatan 1
 - B4 Pas Keluar
 - B5 Buku Ponteng
 - B6 Rekod Kehadiran Pelajar
 - B7 Surat Aku Janji
 - B8 Jaminan Mematuhi Peraturan Sekolah
 - B9 Rekod Pengakuan Pelajar Atas Kesalahan Disiplin
 - B10 Pemberitahuan Tatatertib Murid
 - B11 Pengakuan Salah Laku Dan Minta Maaf
 - B12 Panduan Pemberian Gred Sahsiah Murid
- C1 Panduan Pemerhatian
- C2 Senarai Semak Pemerhatian
- C3 Nota Lapangan Pemerhatian
- D1 Panduan Temu Bual Secara Mendalam
- D2 Protokol Temu Bual
- D3 Soalan Temu Bual Semi Struktur

E	Senarai Semak
F1	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Di Sekolah Daripada BPPDP
F2	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Di Sekolah Daripada JPN Perak
F3	Surat Kebenaran Sekolah
F4	Surat Kebenaran Responden



BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Sekolah sebagai sebuah institusi sosial menjadi agen sekunder yang penting dalam sosialisasi setiap pelajar kerana ia mementingkan pembelajaran norma-norma dan nilai-nilai kehidupan masyarakat yang banyak membantu dalam kehidupan pelajar. Jika kurikulum formal di sekolah mementingkan kemahiran dan pengetahuan, kurikulum tersembunyi pula menekankan pembentukan nilai diri, tingkah laku dan keperibadian pelajar. Justeru itu, sosialisasi melalui kurikulum tersembunyi dapat mencorakkan keperibadian dan tingkah laku pelajar sepanjang tempoh pembelajaran mereka di sekolah. Sehubungan dengan itu, penyelidikan ini adalah untuk mengkaji sosialisasi pelajar melalui kurikulum tersembunyi dengan memfokuskan kepada salah satu aspek kurikulum tersembunyi yang luas terdapat di sekolah iaitu peraturan-peraturan sekolah seperti tidak ponteng sekolah atau kelas, menjaga kebersihan diri,

kelas dan sekolah yang digunakan untuk mengatur tingkah laku pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peraturan-peraturan yang diamalkan di sekolah.

Selain itu, kajian ini juga ingin mendapatkan pandangan pelajar-pelajar tentang peraturan-peraturan yang diamalkan di sekolah dan melihat implikasi kurikulum tersembunyi melalui peraturan-peraturan sekolah dalam pembentukan tingkah laku pelajar.

1.2 Latar Belakang

Sistem pendidikan dalam usaha melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang perlu memberi penekanan kepada kurikulum formal dan juga kurikulum tersembunyi. Pencapaian yang seimbang antara kedua-dua kurikulum ini sangat penting bagi setiap pelajar dalam meneruskan kehidupan mereka dengan lebih sempurna dan harmoni. Ini kerana masyarakat meletakkan seseorang itu pada tahap yang tinggi sekiranya individu itu menguasai kemahiran dan pengetahuan di samping memiliki ciri-ciri keperibadian dan tingkah laku yang disanjung.

Menurut Amir Hasan Dawi (2006), “kurikulum tersembunyi lebih berpengaruh dan berkuasa berbanding kurikulum formal dalam membentuk keperibadian murid” (ms. 196). Sehubungan dengan itu, kurikulum tersembunyi yang banyak menerapkan nilai-nilai dan norma-norma sosial perlu diberi perhatian yang serius kerana ia memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk mensosialisasikan diri dan membentuk tingkah laku mereka sebagai persediaan menghadapi dunia luar yang lebih mencabar dan menjadi insan yang berfaedah kepada masyarakat dan negara. Ini

sesuai dengan pendapat Ishak Ramly (2003), “kurikulum tersembunyi dilaksanakan mengikut kehendak dan keperluan masyarakat semasa bagi mengatasi dan membendung gejala sosial dan mencapai aspirasi pendidikan negara” (ms. 133).

Hamilton dan Powell (2007) menyatakan “kurikulum tersembunyi merujuk kepada pembelajaran sikap, nilai, kepercayaan dan tingkah laku melalui peraturan, rutin dan struktur sekolah yang tidak formal” (para 1). Ia disebutkan sebagai tidak formal kerana pembelajaran berlaku secara tidak terancang dan tidak disedari serta pengetahuan dan kemahiran diperoleh daripada situasi yang tidak disediakan terlebih dahulu. Menurut Ballantine dan Hammack (2009, ms. 257), sistem tidak formal di sekolah dirujuk sebagai “*those unplanned experiences that happen apart from or as a result of the formal, planned curriculum of schools*”. Jackson (1968) menggunakan istilah 3R iaitu ‘rules’, ‘routines’ dan ‘regulation’ yang harus dipelajari untuk membolehkan pelajar-pelajar berada dalam keadaan yang selesa di dalam bilik darjah (dalam Meighan dan Harber, 2007, ms. 83).

‘Rules’ atau peraturan-peraturan yang diistilahkan oleh Jackson (1968) dalam membincangkan tentang kurikulum tersembunyi menjadi fokus dalam kajian ini dan secara spesifik merujuk kepada peraturan-peraturan sekolah. Menurut Thornberg (2008, ms. 27-29), peraturan-peraturan di sekolah boleh dibahagikan kepada lima kategori iaitu i) ‘relational rules’ (peraturan-peraturan perhubungan), ii) ‘structuring rules’ (peraturan-peraturan struktur), iii) ‘protecting rules’ (peraturan-peraturan perlindungan), iv) ‘personal rules’ (peraturan-peraturan peribadi), dan v) ‘etiquette rules’ (peraturan-peraturan etika). Kelima-lima kategori peraturan ini menjadi asas dalam mengurus dan mendisiplinkan pelajar-pelajar di sekolah bagi menyumbang

kepada penghasilan pelajar-pelajar yang berkelakuan baik dan mewujudkan satu persekitaran pembelajaran yang baik dan selamat. Pengkategorian peraturan-peraturan sekolah ini harus dijadikan panduan dalam meneliti peraturan-peraturan sekolah yang terdapat dalam sistem persekolahan di Malaysia. Senarai peraturan-peraturan sekolah yang diamalkan di sekolah perlu diklasifikasikan mengikut kategori-kategorinya bagi menggambarkan secara terperinci dan jelas kerana setiap kategori peraturan tersebut merupakan kurikulum tersembunyi yang berfungsi dalam mengawal dan membentuk tingkah laku pelajar di sekolah.

Sehubungan dengan itu, keupayaan peraturan-peraturan yang diguna pakai secara luas di institusi sekolah membantu dalam pembelajaran dan pembentukan tingkah laku yang bersifat bukan akademik merupakan satu aspek kurikulum tersembunyi yang sangat penting mendorong kepada kajian ini. Setiap pelajar di sekolah dididik untuk mematuhi dan akur kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam institusi sekolah. Goodman (1964) mengkonsepkan kurikulum tersembunyi sebagai peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah bagi mengidentifikasikan norma-norma sosial yang perlu diikuti oleh pelajar-pelajar semasa berada dalam lingkungan dan budaya sekolah (dalam Ishak Ramly, 2003, ms. 128). Salah satu aspek yang menunjukkan keberkesanan sesebuah sekolah adalah dalam melahirkan pelajar-pelajar yang memiliki ciri-ciri afektif dalam proses persekolahan. Pihak sekolah dalam usaha menerapkan ciri-ciri afektif ini telah mewajibkan pelajar-pelajar mematuhi peraturan-peraturan sekolah yang ditetapkan kerana ia berupaya dalam menunjukkan satu hasil pembelajaran yang membawa kepada perubahan sikap dan tingkah laku.

Walaupun sosialisasi melalui kurikulum tersembunyi mewajibkan pelajar-pelajar mematuhi peraturan-peraturan sekolah, pandangan pelajar-pelajar yang terlibat secara langsung dalam pengamalan peraturan-peraturan sekolah harus diketahui. Menurut Thornberg (2008), “pelajar-pelajar boleh mempunyai pandangan yang berbeza tentang amalan-amalan sosial dan amalan-amalan di sekolah yang berusaha menerapkan nilai-nilai dan norma-norma sosial di sekolah” (ms. 38). Kajian ini perlu bagi mendedahkan pandangan pelajar-pelajar itu sendiri kerana mereka mensosialisasikan diri dengan akur dan patuh kepada peraturan-peraturan sekolah. Sehubungan dengan itu, kajian ini memfokus kepada sosialisasi pelajar melalui peraturan-peraturan sekolah yang dikonsepskan sebagai kurikulum tersembunyi dengan mendapatkan pandangan dan implikasinya dalam pembentukan tingkah laku. Seterusnya, kajian ini perlu untuk menerangkan sosialisasi pelajar melalui kurikulum tersembunyi dan khususnya pengaruh peraturan-peraturan sekolah dalam kehidupan harian pelajar di sekolah. Keperluan kajian ini adalah untuk menunjukkan keupayaan peraturan-peraturan sekolah dalam pembentukan tingkah laku pelajar sebagai salah satu fungsi institusi sekolah.

1.3 Penyataan Masalah

Permasalahan disiplin yang melibatkan tingkah laku pelajar seperti tingkah laku jenayah, tingkah laku lucah dan ponteng sekolah menjadi suatu perkara yang membimbangkan dalam perkembangan pendidikan negara kita. Justeru itu, pembentukan tingkah laku pelajar di sekolah harus dijadikan sama pentingnya dengan tugas penyebaran ilmu pengetahuan dan pendidikan. Ini kerana keberkesanan proses

pengajaran dan pembelajaran mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kesempurnaan tingkah laku dan disiplin pelajar. Maka, situasi semasa dalam sistem persekolahan dan proses pendidikan yang lebih cenderung untuk memenuhi keperluan kecemerlangan akademik kurang memberi tumpuan dalam pembentukan tingkah laku pelajar mewujudkan suatu masalah ketidakseimbangan dalam melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang. Maka, institusi sekolah harus memberi perhatian yang serius dalam melahirkan pelajar-pelajar supaya seimbang dari aspek jasmani, intelektual, emosi dan rohani seperti yang disarankan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Dalam usaha untuk memantapkan tingkah laku pelajar, fungsi kurikulum tersembunyi tidak boleh diabaikan kerana ia begitu penting dalam membentuk tingkah laku pelajar di sekolah. Kurikulum tersembunyi, khususnya peraturan-peraturan sekolah yang menjadi tumpuan dalam kajian ini harus dilihat dengan teliti dan dilaksanakan secara berterusan untuk mengetahui kepentingan dan keberkesanannya dalam pembentukan tingkah laku pelajar.

Perkembangan masyarakat moden mementingkan fungsi sekolah sebagai tempat menimba ilmu dan kemahiran yang lebih bersifat akademik. Ini dilakukan dengan panduan kurikulum rasmi atau bertulis yang merangkumi segala kegiatan sekolah secara formal iaitu pengalaman-pengalaman, pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti-aktiviti yang sengaja dirancang oleh pihak sekolah untuk mencapai objektif-objektif yang ditentukan. Sebenarnya, pelajar-pelajar turut mempelajari berbagai-bagai perkara secara tidak formal atau secara tidak sengaja dalam kurikulum sekolah yang diistilahkan sebagai kurikulum tersembunyi. Kurikulum tersembunyi yang dirujuk dalam kajian ini ialah peraturan-peraturan sekolah yang banyak

membantu dalam pembentukan tingkah laku pelajar. Kajian Beng Huat See dan Arthur (2011, ms. 143) mendapati bahawa “pendidikan formal tidak banyak membantu dalam membentuk tingkah laku pelajar khususnya dalam kalangan pelajar sekolah menengah” dan “nilai boleh dibentuk melalui pengalaman persekolahan pelajar-pelajar di luar kurikulum”. Maka, sekolah melalui kurikulum tersembunyi yang terletak di luar konteks pengajaran rasmi dan tidak dirancang seperti peraturan-peraturan sekolah memainkan peranan yang sama bersifat bukan akademik, mensosialisasikan pelajar dengan nilai-nilai dan norma-norma masyarakat lalu membentuk tingkah laku bagi meneruskan kehidupan mereka dengan lebih sempurna.

Menurut Hamilton dan Powell (2007), “elemen-elemen kurikulum tersembunyi tidak ditunjukkan secara bertulis dalam matlamat sekolah, rancangan pelajaran formal atau objektif pelajaran walaupun ia mereflekkan nilai-nilai sosial budaya dominan dan pandangan tentang perkara yang perlu diajar” (para 1). Macionis (2012) menyatakan “sekolah berfungsi sebagai asas dan lanjutan dalam pengkhususan sesuatu bidang dan ditambah fungsinya dengan mengajar budaya, nilai-nilai dan norma-norma sosial” (ms. 469). Ini menerangkan bahawa peraturan-peraturan sekolah adalah satu elemen kurikulum tersembunyi yang tidak bertulis dalam objektif pelajaran tetapi secara tersembunyi mengatur tingkah laku pelajar. Menurut Thornberg (2007), “peraturan-peraturan di sekolah berfungsi untuk mengatur dan mengawal tingkah laku pelajar dan mewujudkan satu persekitaran pembelajaran yang kondusif” (ms. 401). Maka, kurikulum tersembunyi melalui peraturan-peraturan sekolah harus dilihat sebagai cara pelajar-pelajar disosialisasikan dengan mendidik nilai-nilai sosial dalam proses pendidikan.

Fungsi sekolah yang penting ialah membentuk tingkah laku dan menerapkan nilai-nilai sosial terhadap setiap pelajar sepanjang tempoh mereka berada di zaman persekolahan. Menurut Basaran (2005), “sekolah memulakan pembentukan tingkah laku seseorang pelajar dengan berfungsi sebagai kuasa dan kemahiran tersembunyi” (dalam Cubukcu, 2012, ms. 1526). Ini menegaskan bahawa dalam usaha melahirkan masyarakat yang tinggi nilainya, sekolah harus menjadi pusat pembentukan tingkah laku pelajar. Durkheim (1961) pula berpendapat bahawa “tugas sekolah sebagai tempat pembentukan moral murid-murid boleh dan harus diberi keutamaan” (dalam Beng Huat See dan Arthur, 2011, ms. 144). Pembentukan tingkah laku ini dapat dilakukan dengan memberi perhatian yang serius terhadap kurikulum tersembunyi dan antaranya ialah peraturan-peraturan di sekolah yang berusaha memindah dan menerapkan nilai-nilai dan norma-norma dalam kalangan pelajar.

Menurut Ballantine dan Spade (2001), “kurikulum tersembunyi memindahkan pelbagai nilai, norma, kepercayaan dan tingkah laku yang bersifat bukan akademik” (dalam Shepard 2007, ms. 78). Menurut Thornberg (2008), “*school rules are constructed and upheld by an ongoing social process to coordinate, regulate and organise the individual and their activities in school*” (ms. 37). Maka, pengalaman pembelajaran melalui peraturan-peraturan sekolah sangat penting bagi pelajar-pelajar kerana ia membantu membentuk keperibadian pelajar yang akan menjadi asas dan panduan untuk mereka menceburi dalam bidang masing-masing. Menurut Jackson (1990) dan Dreeben (1968), “pengalaman sosial di sekolah membolehkan pelajar-pelajar mempelajari norma-norma dan tingkah laku-tingkah laku yang diperlukan dalam kehidupan zaman dewasa mereka” (dalam Sari dan Doganay, 2009, ms. 926). Selain itu, Macionis (2012, ms. 104) menyatakan “personaliti yang kita bentuk

banyak bergantung pada persekitaran kehidupan kita”. Oleh itu, sosialisasi pelajar di sekolah melalui kurikulum tersembunyi yang mengajar kemahiran-kemahiran sosial seperti disiplin, kerjasama, mematuhi peraturan-peraturan dan menepati masa adalah suatu kemahiran yang sangat diperlukan bagi seseorang itu berjaya dan memenuhi ciri-ciri keperluan birokrasi masyarakat moden.

Pengaturan tingkah laku pelajar menjadi tugas harian sekolah. Macionis (2012, ms. 112), *“the school day is based on impersonal rules and a strict time schedule”*. Peraturan-peraturan di sekolah adalah satu cara mengatur tingkah laku dan mengajar pelajar-pelajar memiliki nilai dan kemahiran sosial dalam usaha menjadikan mereka sebagai seorang yang berguna. Menurut Tattum (1982), “peraturan-peraturan berguna dalam melindungi atau menjamin nilai-nilai dan berfungsi sebagai satu instrumen yang digunakan dalam pelakuan, harus dikaji dalam konsep kurikulum tersembunyi” (dalam Thornberg, 2009, ms. 245). Sherman (1996) pula menyatakan bahawa “sosialisasi melalui peraturan-peraturan dan rutin-rutin di sekolah mempelajarkan seseorang dengan menyesuaikan diri dengan autoriti, peraturan-peraturan, penetapan masa, rutin-rutin dan sebagainya untuk memastikan penyertaan mereka sebagai pelajar di sekolah dan sebagai persediaan ke pasaran pekerjaan” (dalam Thornberg, 2009, ms. 245). Walaupun dikatakan “pelajar-pelajar banyak mempelajari pengalaman persekolahan dari peraturan-peraturan sekolah” (Johansson dan Johansson, 2003; Cullingford, 1988) namun menurut Merrett dan Jones (1994), “kajian tentang sifat dasar sistem ini kurang dilakukan” (dalam Thornberg, 2009, ms. 246). Maka, kurikulum tersembunyi yang mensosialisasikan pelajar dikaji dengan memberi perhatian khusus kepada aspek peraturan-peraturan sekolah yang membantu dalam pembentukan tingkah laku pelajar.

Peraturan-peraturan sekolah adalah satu pendedahan kepada nilai-nilai sosial dan wajib dipatuhi oleh pelajar-pelajar sepanjang masa berada dalam kawasan sekolah yang turut menggambarkan sosialisasi berlaku di sekolah. Walaupun kurikulum tersembunyi ini banyak mempengaruhi kehidupan harian pelajar di sekolah, namun penerimaan dan keakuran pada peraturan-peraturan sekolah oleh pelajar-pelajar secara mutlak adalah menjadi persoalan. Menurut Thornberg (2008, ms. 26), “murid-murid bukan sahaja menjadi penerima pasif malahan menjadi agen aktif dalam proses sosialisasi mereka”. Ini kerana setiap pelajar mempunyai pandangan dan penginterpretasian yang berbeza berdasarkan pengalaman mereka melalui kurikulum tersembunyi ini. Pelajar-pelajar adakalanya menerima dengan mematuhi peraturan-peraturan di sekolah, menolak dengan tidak mematuhi sesuatu peraturan dan ada juga yang mempersoalkan sesuatu peraturan dengan meminta penjelasan menunjukkan bahawa pelajar-pelajar mempunyai pandangan yang berbeza mengenai sesuatu peraturan di sekolah.

Thornberg (2008, ms. 38) merujuk kepada peraturan-peraturan sekolah menyatakan bahawa “*childrens can have different views of the meaning of social practices and of values and norms regulating these practices; even develop critical attitudes, and oppose or even try to change them*”. Kajian untuk mendapatkan pandangan pelajar-pelajar mengenai peraturan-peraturan sekolah dapat menggambar dan menerangkan bagaimana pelajar-pelajar menilai peraturan-peraturan sekolah dan tahap penerimaannya dalam kehidupan harian di sekolah. Selain itu, berdasarkan konsep kurikulum tersembunyi, ia juga dapat mengetengahkan implikasinya dalam pembentukan tingkah laku pelajar yang merupakan satu hasil pembelajaran di sekolah.